



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Penguatkuasaan Penggunaan  
Perkhidmatan Aktuari Kerajaan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PASARAN KEWANGAN DAN AKTUARI .....</b>	<b>2</b>
<b>PA 2.1/2013 Penguatkuasaan Penggunaan Perkhidmatan Aktuari</b>	
<b>Kerajaan .....</b>	<b>2</b>
1. <b>Tujuan .....</b>	<b>2</b>
2. <b>Latar Belakang.....</b>	<b>2</b>
3. <b>Tugas Unit Perkhidmatan Aktuari.....</b>	<b>2</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>4</b>

## PASARAN KEWANGAN DAN AKTUARI

### PA 2.1/2013 Penguatkuasaan Penggunaan Perkhidmatan Aktuari Kerajaan

#### 1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Unit Perkhidmatan Aktuari telah ditempatkan di bawah Perbendaharaan Malaysia.
- 1.2 Segala permohonan berkaitan dengan khidmat rundingan, laporan serta nasihat dari unit ini perlu dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

#### 2. Latar Belakang

- 2.1 Unit Perkhidmatan Aktuari telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tahun 1964 melalui surat Pekeliling Am Bil. 6 dan 6A tahun 1964. Pada awal penubuhannya Unit ini diletakkan di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Pada 1 Februari 1976, Unit Perkhidmatan Aktuari ini telah dipindahkan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam seperti terkandung di dalam Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1989. Mulai 1 Januari 1993, Unit ini telah diletakkan di bawah kawalan Perbendaharaan Malaysia.
- 2.2 Unit ini diwujudkan untuk memberi khidmat nasihat dan menjadi pusat rujukan bagi Kementerian, Jabatan, Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun mengenai Aktuari sepetimana peranan yang dimainkan oleh Syarikat Perundingan Aktuari untuk pihak swasta.

#### 3. Tugas Unit Perkhidmatan Aktuari

- 3.1 Dari segi fungsinya Unit ini masih menjalankan tugas-tugas dan fungsi di **Lampiran A** sebagaimana terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 6 dan 6A 1964 dan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1989. Lima (5) bidang tugas utama Unit ini adalah seperti berikut:
  - i. Persaraan dan Pencen;
  - ii. Skim Perkhidmatan, Elaun dan Pampasan;
  - iii. Perlindungan dan Skim Keselamatan Sosial;
  - iv. Insurans, Takaful dan Perkhidmatan Kewangan Lain; dan
  - v. Tabung dan Kumpulan Wang.

- 3.2 Semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat-Syarikat Kerajaan perlu mendapatkan perkhidmatan berhubung dengan tugas-tugas aktuari daripada Unit Perkhidmatan Aktuari yang terdapat di Perbendaharaan.
- 3.3 Sehubungan itu, tidak ada sebarang kelulusan dan peruntukan yang akan diberikan oleh Kerajaan kepada Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat-Syarikat Kerajaan bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan yang sama daripada pihak swasta.

# **LAMPIRAN**

**LAMPIRAN A****TUGAS-TUGAS DAN FUNGSI PERKHIDMATAN AKTUARI****1. PERSARAAN DAN PENCEN**

**Tugas-tugas yang berkaitan adalah seperti berikut:-**

- 1.1 Kajian penilaian Aktuari ke atas Skim Pencen Awam.
- 1.2 Kajian pewujudan Tabung Pencen Awam Bercarum.
- 1.3 Kajian kaedah alternatif dalam membiayai dan mengurus tabungan pekerja seperti ESOP (*Employees' Stock Ownership Plan*)
- 1.4 Penilaian tanggungan pencen Kerajaan dan unjuran kos pencen Kerajaan berasaskan kepada faktor-faktor berikut:-
  - 1.4.1 Kesan peningkatan jangka hayat pesara.
  - 1.4.2 Kesan meluaskan liputan manfaat kepada balu/duda yang berkahwin semula;
  - 1.4.3 Kesan perubahan fakta dan formula pencen kakitangan awam seperti yang termaktub dalam Akta Pencen.
  - 1.4.4 Implikasi kewangan yang terlibat dalam menaikkan umur persaraan wajib.
  - 1.4.5 Kadar pencen awam berbanding kadar inflasi dan implikasi kewangan jika *pension indexation* dilaksanakan.
  - 1.4.6 Kesan/ implikasi kewangan ke atas dasar-dasar lain Kerajaan berkaitan pencen.
- 1.5 Kajian pewujudan skim persaraan dan tabung pencen untuk mana-mana Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.
- 1.6 Kajian pewujudan tabung pencen korporat bagi sesuatu Syarikat Swasta, Badan Berkanun Korporat dan Syarikat Kerajaan yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mempunyai pekerja melebihi 500 orang.
- 1.7 Kajian kadar kematian dan unjuran bilangan pesara serta nisbah bilangan pesara dan pekerja.
- 1.8 Kajian penyediaan jadual hayat pesara dan tanggungannya untuk kegunaan pengiraan kos pencen Kerajaan.

- 1.9 Kajian kadar pencen bagi tanggungan ahli kumpulan-kumpulan wang seperti kumpulan wang pencen bali dan anak yatim Sabah dan Sarawak.
- 1.10 Kajian dan laporan analisa ke atas maklumat perangkaan pesara awam dan tanggungan (anak-anak dan ibu bapa) di bawah skim pencen dan KWSP.
- 1.11 Pengumpulan dan semakan maklumat pekerja awam dan tanggungan dari Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Kuasa Tempatan bagi tujuan *data reconciliation* di mana perbandingan dibuat dengan maklumat yang sama yang dikumpul dari Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan.
- 1.12 Kajian dan semakan kadar peruntukan Kerajaan bagi pembiayaan tanggungan pencen pesara Kerajaan (5% daripada emolumen awam Kerajaan).
- 1.13 Kajian penambahbaikan faedah persaraan bagi kakitangan awam di bawah skim KWSP.
- 1.14 Kajian dan semakan perundangan berhubung persaraan dan pencen yang melibatkan perkara-perkara teknikal Aktuari.

## 2. SKIM PERKHIDMATAN, ELAUN DAN PAMPASAN

**Tugas-tugas yang berkaitan adalah seperti berikut:-**

- 2.1 Kajian skim-skim perkhidmatan Kerajaan berkaitan gaji dan kenaikannya termasuk sistem gaji, kos sara hidup, tanggungan dan faedah/ manfaat yang diterima (perubatan, perumahan, pendidikan dan lain-lain) dan kos rawatan semasa anggota sektor awam Persekutuan, Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Kuasa Tempatan.
- 2.2 Kajian skim perkhidmatan yang sesuai bagi Agensi-agensi Kerajaan yang diswastakan/ diperbadankan.
- 2.3 Kajian penilaian kos pencen kakitangan agensi yang diswastakan.
- 2.4 Kajian analisa kos dan faedah untuk program penswastaan Kerajaan.

- 2.5 Kajian pewujudan skim perkhidmatan yang berasingan bagi berbagai perkhidmatan seperti skim guru dan pensyarah, skim pegawai perubatan dan jururawat, skim tentera dan polis, skim Kerajaan Tempatan dan Skim Badan Berkanun (LTAT, KWSP, PERKESO, LUTH dan BSN).
- 2.6 Kajian pewujudan skim perkhidmatan untuk lain-lain golongan pekerja seperti skim peladang, skim pemandu teksi, skim penjaja, peruncit, pekerja sendiri, skim penternak, skim nelayan, dan lain-lain.
- 2.7 Semakan dan kajian skim-skim perkhidmatan, skim gaji dan elaun kakitangan awam.
- 2.8 Kajian skim pampasan pemisahan sukarela bagi anggota sektor awam.
- 2.9 Kajian ke atas sistem-sistem saraan Kerajaan yang dikenalkan seperti Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia.
- 2.10 Analisa/ ulasan berkaitan kadar kenaikan bayaran perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

### **3. PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN SOSIAL**

**Tugas-tugas yang berkaitan adalah seperti berikut:-**

- 3.1 Kajian dan penilaian aktuari ke atas sistem perlindungan dan keselamatan sosial untuk Kerajaan yang merangkumi perkara berikut:-
  - 3.1.1 Penilaian kos dan liabiliti.
  - 3.1.2 Penilaian aset dan pelaburan.
  - 3.1.3 Kajian semula berkala bagi skim-skim perlindungan sosial yang sedia ada berkaitan:-
    - 3.1.3.1 Analisa pencapaian terdahulu
    - 3.1.3.2 Kajian semula andaian-andaian dan kaedah / metodologi yang digunakan
    - 3.1.3.3 Kajian semua unjuran kewangan
    - 3.1.3.4 Syor / Cadangan bentuk pembiayaan skim dan cadangan-cadangan lain.

- 3.2 Kajian aktuari ke atas Skim Pencen dan Skim Perlindungan Sosial.
  - 3.2.1 Pindaan pada sesuatu skim.
  - 3.2.2 *Structural reform* bagi sesuatu skim.
- 3.3 Kajian aktuari berkaitan sistem pembiayaan skim keselamatan sosial.
- 3.4 Analisa pengalaman masa lepas bagi sesuatu skim keselamatan sosial yang merangkumi aspek berikut:-
  - 3.4.1 Penyata kewangan
  - 3.4.2 *Experience Analysis* dan petunjuk utama
  - 3.4.3 Analisa perbelanjaan pengurusan
  - 3.4.4 Analisa *investment performance*
  - 3.4.5 Penilaian rizab
- 3.5 Unjuran aktuari – demografi dan ekonomi makro:-
  - 3.5.1 Unjuran penduduk yang berkaitan dengan aspek berikut:-
    - 3.5.1.1 Kesuburan.
    - 3.5.1.2 Kematian.
    - 3.5.1.3 Penghijrahan
    - 3.5.1.4 *Standard Population Projection Model*
  - 3.5.2 Aspek ekonomi makro yang berkaitan perkara berikut:-
    - 3.5.2.1 Pertumbuhan ekonomi.
    - 3.5.2.2 Tenaga kerja, pekerja dan pengangguran.
    - 3.5.2.3 Gaji.
    - 3.5.2.4 Inflasi.
    - 3.5.2.5 Kadar faedah.
- 3.6 Kajian bayaran pampasan pekerja berikutan kematian, kecederaan, pemberhentian kerja, hilang upaya dan lain-lain yang merangkumi aspek berikut:-
  - 3.6.1 Kadar caruman dan kadar bayaran pampasan yang sesuai.
  - 3.6.2 Faedah / manfaat yang boleh disediakan berdasarkan kadar caruman yang telah ditetapkan.
  - 3.6.3 Maklumat perangkaan ahli dan tanggungan yang lengkap.
- 3.7 Kajian dan semakan ke atas faedah kematian dan hilang upaya kekal KWSP.

- 3.8 Kajian, semakan dan laporan ke atas pengurusan maklumat perangkaan pencarum dan tanggungan untuk penilaian kos dan liabiliti semasa dan akan datang serta unjuran kewangan masa hadapan Kerajaan.
- 3.9 Kajian, semakan dan laporan penyelidikan skim pampasan, bayaran saguhati dan tuntutan pembayaran faedah.
- 3.10 Penyiasatan ke atas laporan-laporan ketidakadilan yang berlaku ke atas pembayaran pampasan kepada awam seperti bayaran pampasan kemalangan, kecederaan dan pengambilan tanah.
- 3.11 Penilaian aset dan tanggungan skim keselamatan sosial yang diwujudkan untuk setiap golongan masyarakat.
- 3.12 Penyediaan laporan tuntutan bayaran pampasan bagi askar yang terkorban dan tercedera.
- 3.13 Kajian soal selidik golongan yang bekerja sendiri dan tanggungan mereka.
- 3.14 Kajian dan semakan perundangan berhubung perlindungan dan keselamatan sosial yang melibatkan perkara-perkara teknikal Aktuari.

#### **4. INSURANS, TAKAFUL DAN PERKHIDMATAN KEWANGAN LAIN**

**Tugas-tugas yang berkaitan adalah seperti berikut:**

- 4.1 Kajian ke atas perkara-perkara berikut:-
  - 4.1.1 Pewujudan *Malaysian National Health Scheme (MNHS)*.
  - 4.1.2 Pengurusan dan pembiayaan MNHS
- 4.2 Kajian ke atas perkembangan semasa dana insurans hayat / takaful dan insurans am (insurans motor, insurans pengangkutan, marin, udara dan transit, insurans harta benda dan insurans liabiliti) dan harta benda untuk Kerajaan.
- 4.3 Kajian ke atas prestasi pelaburan oleh industri insurans hayat / takaful dan insurans am dan harta benda di Malaysia.

- 4.4 Kajian analisis ke atas produk skim insurans hayat / takaful dan insurans am dan harta benda untuk Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Kerajaan.
- 4.5 Kajian ke atas laporan-laporan suku tahun / tahunan yang disediakan oleh syarikat insurans tempatan mengikut Akta Insurans 1963.
- 4.6 Kajian ke atas kadar tarif premium yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans tempatan.
- 4.7 Kajian penilaian semula kadar premium bagi perkhidmatan insurans hayat dan takaful yang dilanggan oleh sesuatu agensi bagi melindungi tanggungan seperti tabung pinjaman PTPTN.
- 4.8 Kajian penilaian kadar premium perkhidmatan insurans am dan harta benda serta insurans kesihatan.
- 4.9 Kajian ke atas tuntutan dan pembayaran pampasan insurans hayat, insurans kemalangan, insurans kemalangan, insurans am dan harta benda dan takaful.
- 4.10 Penyiasatan ke aras perkhidmatan skim insurans hayat / am / harta benda untuk Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Kerajaan.
- 4.11 Kajian pengurusan aset dan risiko bagi insurans hayat / am / harta benda/ kesihatan, insurans semula (*reinsurance*) insurans bersama (*coinsurance*), industri perbankan dan Sistem Kewangan Islam.
- 4.12 Laporan kajian kesovenan bagi memastikan kewangan syarikat insurans hayat / keluarga adalah mencukupi bagi membayar tuntutan yang timbul di masa hadapan.
- 4.13 Kajian dan semakan perundangan berhubung insurans, takaful dan perkhidmatan kewangan lain yang melibatkan perkara-perkara teknikal Aktuari.
- 4.14 Kajian ujian-ujian statistik tertentu bagi menguji kaedah penjanaan nombor rawak yang digunakan oleh pihak BSN semasa ujian dan cabutan sebenar sijil simpanan premium BSN.

## 5. TABUNG DAN KUMPULAN WANG

**Tugas-tugas yang berkaitan adalah seperti berikut:**

- 5.1 Kajian tabung persaraan yang melibatkan:-
  - 5.1.1 Perangkaan keahlian pekerja dan pesara.
  - 5.1.2 Perangkaan tanggungan pekerja dan pesara.
  - 5.1.3 Kadar caruman dan tuntutan.
  - 5.1.4 Faedah / Manfaat perlindungan dan persaraan untuk pekerja dan pesara.
  - 5.1.5 Kedudukan kewangan tabung yang melibatkan aset dan tanggungan tabung.
  - 5.1.6 Jenis pelaburan yang sesuai untuk tabung.
  - 5.1.7 Pengurusan risiko berhubung pelaburan tabung.
  - 5.1.8 Penyediaan garis panduan bagi pengurusan tabung secara lebih berkesan.
  - 5.1.9 Syor pengawalan dan perundangan tabung pencen.
- 5.2 Kajian *sustainability* dan *viability* tabung-tabung persaraan/ pencen.
- 5.3 Kajian dan semakan kadar caruman / peruntukan tahunan Kerajaan kepada KWAP.
- 5.4 Kajian ke atas penggulungan / penutupan tabung-tabung persaraan dan kumpulan wang.
- 5.5 Kajian dividen tahunan untuk Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan seperti KWSG, LTAT.
- 5.6 Kajian perbandingan skim persaraan Kerajaan, KWSP, KWAP dan tabung pencen.
- 5.7 Kajian ke atas unjuran jangka hayat ahli tabung serta tanggungan mereka.
- 5.8 Kajian pengurusan tabung / kumpulan wang simpanan, persaraan, pendidikan, perumahan, bencana dan lain-lain bentuk tabung / kumpulan wang / dana yang ditubuhkan oleh Kerajaan.
- 5.9 Kajian dan semakan perundangan berhubung tabung dan kumpulan wang yang melibatkan perkara-perkara teknikal Aktuari.
- 5.10 Kajian penubuhan Akta Kawalan Tabung Persaraan / Pencen bagi mengawal tabung-tabung sedia ada yang diluluskan oleh pihak

LHDNM dan tabung-tabung persaraan / pencen yang bakal diwujudkan.

- 5.11 Kajian ke atas jumlah peruntukan kewangan yang diperlukan bagi setiap tabung / dana yang ditubuhkan bawah Kementerian / Jabatan Kerajaan dengan memberi fokus kepada *trend* dan jumlah pembayaran.
- 5.12 Kajian soal-selidik ke atas tabung-tabung pencen / persaraan swasta yang wujud bagi menghasilkan laporan *occupational pension schemes in Malaysia*.